



23 Mei 2014
23 May 2014
P.U. (A) 142

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PELAPORAN KREDIT
(PENDAFTARAN) 2014

*CREDIT REPORTING AGENCIES (REGISTRATION)
REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA AGENSI PELAPORAN KREDIT 2010

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PELAPORAN KREDIT (PENDAFTARAN) 2014

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN, PEMBAHARUAN, PENGUBAHAN, PEMBETULAN DAN PEMBATALAN
PERAKUAN PENDAFTARAN

Bab 1 – Pendaftaran Agensi Pelaporan Kredit

2. Permohonan pendaftaran
3. Perkara yang perlu diputuskan oleh Pendaftar
4. Pengeluaran perakuan pendaftaran

Bab 2 – Pembaharuan Perakuan Pendaftaran

5. Pembaharuan perakuan pendaftaran
6. Perkara yang perlu diputuskan oleh Pendaftar
7. Pengeluaran perakuan pendaftaran yang diperbaharui

Bab 3 - Perubahan atau Pembatalan Syarat atau Sekatan

8. Permohonan untuk mengubah atau membatalkan syarat atau sekatan

Bab 4 – Pembetulan Perakuan Pendaftaran

Peraturan

9. Pembetulan perakuan pendaftaran

Bab 5 – Notis kepada Pendaftar

10. Notis kepada Pendaftar

Bab 6 – Pembatalan Pendaftaran

11. Pembatalan pendaftaran

BAHAGIAN III
KUASA PENDAFTAR

12. Kuasa untuk mengubah, menambah atau membatalkan syarat atau sekatan
13. Prolongation of time

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA AGENSI PELAPORAN KREDIT 2010

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PELAPORAN KREDIT (PENDAFTARAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(a) Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 [*Akta 710*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Agensi Pelaporan Kredit (Pendaftaran) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 15 April 2014.

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN, PEMBAHARUAN, PENGUBAHAN, PEMBETULAN DAN PEMBATALAN
PERAKUAN PENDAFTARAN

Bab 1 – Pendaftaran Agensi Pelaporan Kredit

Permohonan pendaftaran

2. (1) Suatu permohonan untuk pendaftaran hendaklah dikemukakan dalam dua salinan bersama dengan dokumen yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Pemohon hendaklah membayar fi bagi permohonan untuk pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Pendaftar boleh mengetepikan apa-apa dokumen yang dinyatakan dalam butiran A Jadual Pertama kecuali bagi subbutiran (a) hingga (d).

(4) Pendaftar hendaklah memproses permohonan bagi pendaftaran secepat yang dapat dilaksanakan setelah menerima semua maklumat dan dokumen yang berkaitan, termasuk apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

Perkara yang perlu diputuskan oleh Pendaftar

3. (1) Pendaftar hendaklah, berhubung dengan suatu permohonan pendaftaran, memutuskan perkara yang berikut:

- (a) sama ada pemohon layak untuk memohon untuk didaftarkan di bawah subseksyen 13(1) Akta;
- (b) sama ada pemohon mempunyai keupayaan untuk mematuhi syarat dan sekatan yang akan dikenakan dan memenuhi obligasi di bawah Akta;
- (c) sama ada terdapat keperluan bagi mengenakan syarat atau sekatan tambahan kepada syarat dan sekatan seragam yang diperuntukkan dalam Jadual Ketiga; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Pendaftar sebagai perlu dan suai manfaat demi kepentingan industri pelaporan kredit.

(2) Pendaftar hendaklah menyampaikan atau menyebabkan untuk disampaikan keputusan untuk mendaftarkan pemohon atau menolak permohonan untuk pendaftaran kepada pemohon secepat yang dapat dilaksanakan.

Pengeluaran perakuan pendaftaran

4. (1) Perakuan pendaftaran hendaklah dikeluarkan kepada pemohon setelah fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dibayar.

(2) Agensi pelaporan kredit yang kepadanya perakuan pendaftaran telah dikeluarkan hendaklah tertakluk kepada syarat dan sekatan seragam sebagaimana yang

dinyatakan dalam Jadual Ketiga dan apa-apa syarat atau sekatan tambahan yang dikenakan.

Bab 2 – Pembaharuan Perakuan Pendaftaran

Pembaharuan perakuan pendaftaran

5. (1) Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran dalam dua salinan bersama dokumen yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, tidak kurang daripada sembilan puluh hari sebelum tamat sah laku perakuan pendaftaran sedia ada.

(2) Pemohon hendaklah membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Pendaftar boleh mengetepikan apa-apa dokumen yang dinyatakan dalam butiran B Jadual Pertama sebagaimana difikirkannya patut.

(4) Pendaftar hendaklah memproses permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran secepat yang dapat dilaksanakan setelah menerima semua maklumat dan dokumen yang berkaitan, termasuk apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

Perkara yang perlu diputuskan oleh Pendaftar

6. (1) Pendaftar hendaklah, berhubung dengan suatu permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran, memutuskan perkara yang berikut:

- (a) sama ada pemohon masih layak untuk didaftarkan di bawah Akta;
- (b) sama ada terdapat pelanggaran syarat atau sekatan yang dikenakan semasa perakuan pendaftaran dikeluarkan;
- (c) sama ada terdapat keperluan untuk mengubah, menambah atau membatalkan apa-apa syarat atau sekatan; dan

(d) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Pendaftar sebagai perlu dan suai manfaat demi kepentingan industri pelaporan kredit.

(2) Pendaftar hendaklah menyampaikan atau menyebabkan untuk disampaikan keputusan berhubung dengan permohonan di bawah subperaturan (1) kepada pemohon secepat yang dapat dilaksanakan.

(3) Jika keputusan permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran tidak dibuat selepas tamat tempoh sah laku suatu perakuan pendaftaran, agensi pelaporan kredit itu boleh meneruskan perniagaan pelaporan kredit sehingga suatu keputusan disampaikan di bawah subperaturan (2).

Pengeluaran perakuan pendaftaran yang diperbaharui

7. Perakuan pendaftaran yang diperbaharui hendaklah dikeluarkan setelah fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dibayar.

Bab 3 - Pengubahan atau Pembatalan Syarat atau Sekatan

Permohonan untuk mengubah atau membatalkan syarat atau sekatan

8. (1) Ketua eksekutif atau mana-mana pengarah agensi pelaporan kredit yang berdaftar di bawah Akta boleh, semasa membuat permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran, memohon kepada Pendaftar untuk mengubah atau membatalkan apa-apa syarat atau sekatan.

(2) Pemohon hendaklah membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Pendaftar hendaklah memproses permohonan di bawah subperaturan (1) secepat yang dapat dilaksanakan setelah menerima semua maklumat dan dokumen yang berkaitan, termasuk apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(4) Jika apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (3) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang ditentukan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Pendaftar, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diproses selanjutnya.

(5) Hak pemohon untuk membuat permohonan baru tidak terjejas oleh apa-apa permohonan yang disifatkan telah ditarik balik di bawah subperaturan (4).

(6) Pendaftar hendaklah menyampaikan atau menyebabkan untuk disampaikan keputusan berhubung dengan permohonan di bawah subperaturan (1) kepada pemohon secepat yang dapat dilaksanakan.

Bab 4 – Pembetulan Perakuan Pendaftaran

Pembetulan perakuan pendaftaran

9. (1) Pendaftar boleh, melalui permohonan yang dibuat oleh ketua eksekutif atau mana-mana pengarah agensi pelaporan kredit yang berdaftar di bawah Akta, pada bila-bila masa selepas pengeluaran perakuan pendaftaran atau perakuan pendaftaran yang diperbaharui, membuat apa-apa pembetulan ke atas perakuan pendaftaran atau perakuan pendaftaran yang diperbaharui.

(2) Pendaftar hendaklah memaklumkan pembetulan yang dibuat kepada agensi pelaporan kredit yang berkenaan secepat yang dapat dilaksanakan.

(3) Perakuan pendaftaran yang dipinda hendaklah dikeluarkan setelah fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dibayar.

Bab 5 – Notis kepada Pendaftar

Notis kepada Pendaftar

10. (1) Agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta hendaklah memberi notis kepada Pendaftar, secepat yang dapat dilaksanakan, mengenai apa-apa

perubahan dalam agensi pelaporan kredit yang berhubungan dengan perkara yang berikut:

- (a) apa-apa penyusutan modal berbayar minimum;
- (b) pengambilalihan agensi pelaporan kredit oleh pihak lain dengan apa cara sekalipun;
- (c) apa-apa kerosakan atau kemusnahan yang tidak boleh diperbaiki pada sistem atau prasarana penyimpanan dan pemprosesan data;
- (d) kebangkrapan ketua eksekutif atau mana-mana pengarah agensi pelaporan kredit;
- (e) peletakan jawatan atau pertukaran ketua eksekutif atau mana-mana pengarah agensi pelaporan kredit;
- (f) penggulungan agensi pelaporan kredit; dan
- (g) apa-apa perkara lain yang memberi impak negatif ke atas keupayaan agensi pelaporan kredit untuk mematuhi syarat atau sekatan pendaftaran yang dikenakan.

(2) Apabila menerima notis yang dinyatakan dalam subperaturan (1), Pendaftar hendaklah mempertimbangkan sama ada untuk—

- (a) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat atau sekatan;
- (b) mengarahkan agar suatu pendaftaran baru dibuat; atau
- (c) membatalkan pendaftaran agensi pelaporan kredit itu.

(3) Pendaftar hendaklah menyampaikan atau menyebabkan untuk disampaikan keputusannya kepada agensi pelaporan kredit secepat yang dapat dilaksanakan.

(4) Jika Pendaftar memutuskan bahawa perubahan atau pembatalan apa-apa syarat atau sekatan patut dibuat menurut perenggan (2)(a), Pendaftar hendaklah menyatakan butir-butir perubahan atau pembatalan syarat atau sekatan yang akan dibuat, alasan untuk berbuat demikian dan tarikh kuat kuasa perubahan atau pembatalan syarat atau sekatan itu.

(5) Jika Pendaftar memutuskan agar suatu pendaftaran baru dibuat mengikut perenggan (2)(b), peruntukan peraturan 2 adalah terpakai dengan apa-apa pengubahsuaian yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar.

(6) Jika Pendaftar memutuskan untuk membatalkan pendaftaran mengikut perenggan (2)(c), peruntukan peraturan 11 adalah terpakai.

(7) Agensi pelaporan kredit yang melanggar subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Bab 6 – Pembatalan Pendaftaran

Pembatalan pendaftaran

11. (1) Pendaftar hendaklah mengeluarkan notis kepada agensi pelaporan kredit tentang niatnya untuk membatalkan pendaftaran agensi pelaporan kredit itu dan notis itu hendaklah menyatakan alasan yang berdasarkannya dia bercadang untuk mengambil tindakan sedemikian.

(2) Pendaftar hendaklah menyampaikan atau menyebabkan untuk disampaikan notis tersebut ke alamat berdaftar agensi pelaporan kredit itu secepat yang dapat dilaksanakan dan hendaklah memberi agensi pelaporan kredit itu suatu

peluang untuk membuat representasi bertulis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis itu.

(3) Apabila tamat tempoh tiga puluh hari yang disebut dalam subperaturan (2), dan selepas menimbangkan representasi bertulis yang dibuat oleh agensi pelaporan kredit itu, jika ada, Pendaftar hendaklah memutuskan sama ada hendak meneruskan dengan pembatalan pendaftaran itu.

(4) Jika Pendaftar memutuskan untuk membatalkan pendaftaran itu, Pendaftar hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, menyampaikan atau menyebabkan untuk disampaikan keputusan itu bersama dengan alasannya ke alamat berdaftar agensi pelaporan kredit itu dan menentukan masa bagi agensi pelaporan kredit itu mematuhi peruntukan subseksyen 19(1) Akta.

(5) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa, selepas menimbangkan representasi bertulis yang dikemukakan oleh agensi pelaporan kredit itu, pendaftaran agensi pelaporan kredit itu tidak patut dibatalkan, Pendaftar hendaklah menyampaikan atau menyebabkan untuk disampaikan keputusan itu kepada agensi pelaporan kredit.

BAHAGIAN III KUASA PENDAFTAR

Kuasa untuk mengubah, menambah atau membatalkan syarat atau sekatan

12. (1) Pendaftar boleh mengubah, menambah atau membatalkan apa-apa syarat atau sekatan.

(2) Pendaftar hendaklah menyampaikan atau menyebabkan untuk disampaikan suatu notis kepada agensi pelaporan kredit berdaftar tentang niatnya untuk mengubah, menambah atau membatalkan syarat atau sekatan itu.

(3) Pendaftar tidak boleh mengubah, menambah atau membatalkan syarat atau sekatan itu melainkan jika suatu peluang telah diberikan kepada agensi pelaporan

kredit itu untuk membuat suatu representasi bertulis dalam masa tiga puluh hari selepas penyampaian notis dalam subperaturan (2).

(4) Apabila tamat tempoh tiga puluh hari yang disebut dalam subperaturan (3), dan selepas menimbangkan representasi bertulis yang dibuat oleh agensi pelaporan kredit itu, jika ada, Pendaftar hendaklah memutuskan sama ada untuk mengubah, menambah atau membatalkan syarat atau sekatan itu.

(5) Pendaftar hendaklah menyampaikan atau menyebabkan untuk disampaikan keputusannya kepada agensi pelaporan kredit itu secepat yang dapat dilaksanakan.

Pelanjutan masa

13. Jika tempoh masa dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau dalam mana-mana permintaan oleh Pendaftar bagi tindakan yang perlu diambil atau syarat yang perlu dipenuhi, agensi pelaporan kredit yang berkenaan boleh memohon pelanjutan masa secara bertulis dan Pendaftar boleh memberikan apa-apa pelanjutan masa sebagaimana yang difikirkannya patut.

JADUAL PERTAMA
[Subperaturan 2(1) dan 5(1)]

A. Dokumen yang berikut hendaklah dikemukakan bersama dengan permohonan untuk pendaftaran:

- (a) sesalinan terperaku memorandum persatuan dan perkara persatuan atau apa-apa dokumen konstituen yang lain yang di bawahnya pemohon ditubuhkan;
- (b) sesalinan perakuan pemerbadanan yang ditentukan dengan sewajarnya melalui suatu akuan berkanun yang dibuat oleh seorang pengarah pemohon;
- (c) sesalinan terperaku akaun teraudit terkini pemohon tetapi terhadap kepada akaun teraudit dua tahun kewangan sebelumnya, jika berkenaan;
- (d) sesalinan terperaku Borang 24, Borang 44 dan Borang 49 Akta Syarikat 1965 yang terkini;
- (e) Borang 48A (semua pengarah) Akta Syarikat 1965;
- (f) apa-apa dokumen yang menentukan modal berbayar minimum pemohon adalah satu juta ringgit;
- (g) *curriculum vitae* ketua eksekutif dan setiap pengarah pemohon;
- (h) senarai dan perihalan agensi pelaporan kredit lain yang ada hubungan dalam struktur pegangan saham atau kepentingan pemohon;
- (i) sampel perjanjian langganan di bawah perenggan 26(3)(d) Akta dan notis di bawah subseksyen 23(1) Akta;
- (j) kategori dan perihalan pelanggan semasa dan bakal pelanggan pemohon;

- (k) kategori dan perihalan pihak-pihak yang mempunyai hubungan dengan pemohon berkenaan aktiviti pelaporan kredit, pengumpulan dan penyebaran maklumat kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada penjual semula; dan
- (l) suatu persembahan *Microsoft PowerPoint* yang mengandungi maklumat yang berikut bersama dengan salinan dokumen sokongan yang relevan yang telah ditentukan dengan sewajarnya:
 - (i) pengenalan umum pemohon, termasuk lokasi, struktur pegangan saham dan hubungan atau rangkaian dengan mana-mana entiti lain dalam dan luar negara;
 - (ii) ringkasan atau perihalan prasarana bagi penyimpanan dan pengendalian data, termasuk protokol keselamatan dan tatacara yang akan diguna pakai;
 - (iii) skop operasi perniagaan pemohon;
 - (iv) perkhidmatan yang akan ditawarkan kepada pelanggan;
 - (v) cadangan prestasi piawaian yang akan diguna pakai bagi pelaporan kredit; dan
 - (vi) ringkasan pelan perniagaan bagi tempoh lima tahun akan datang.

B. Dokumen yang perlu dikemukakan bersama permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran:

- (a) salinan asal perakuan pendaftaran;
- (b) sesalinan terperaku akaun teraudit terkini pemohon tetapi terhad kepada akaun teraudit dua tahun kewangan sebelumnya;

- (c) sesalinan terperaku Borang 24, Borang 44 dan Borang 49 Akta Syarikat 1965 yang terkini;
- (d) Borang 48A (semua pengarah) Akta Syarikat 1965;
- (e) apa-apa dokumen yang menentusahkan kehendak minimum satu juta ringgit modal berbayar pemohon;
- (f) ringkasan perubahan, penambahan atau selainnya tentang kemudahan, perkhidmatan dan lokasi pemohon beroperasi, jika ada;
- (g) suatu akuan berkanun yang ditentusahkan dengan sewajarnya oleh ketua eksekutif atau salah seorang pengarah pemohon yang memperakukan bahawa tiada perubahan kepada jawatan ketua eksekutif dan pengarah pemohon atau ringkasan tentang apa-apa perubahan ketua eksekutif atau pengarah pemohon; dan
- (h) suatu akuan berkanun yang ditentusahkan dengan sewajarnya oleh ketua eksekutif atau mana-mana pengarah pemohon yang memperakukan bahawa tiada perubahan prasarana bagi penyimpanan dan pengendalian data termasuk protokol keselamatan dan tatacara atau ringkasan tentang apa-apa perubahan prasarana bagi penyimpanan dan pengendalian data termasuk protokol keselamatan dan tatacara.

JADUAL KEDUA

BIL.	PERKARA	KADAR (RM)
1.	Pemprosesan permohonan bagi pendaftaran agensi pelaporan kredit	1,000.00
2.	Pengeluaran perakuan pendaftaran agensi pelaporan kredit	1,000.00
3.	Pemprosesan permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran agensi pelaporan kredit	1,000.00
4.	Pengeluaran perakuan pendaftaran diperbaharui agensi pelaporan kredit	Satu peratus (1%) daripada hasil jualan tahunan berdasarkan akaun teraudit tahun sebelumnya dengan had maksimum RM100,000.00 dan had minimum RM30,000.00
5.	Pemprosesan permohonan bagi pengubahan atau pembatalan syarat atau sekatan	2,000.00
6.	Pengeluaran perakuan pendaftaran berpinda	500.00

JADUAL KETIGA
(Subperaturan 4(2))

Setiap perakuan pendaftaran yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada syarat dan sekatan seragam yang berikut:

- (a)* setiap agensi pelaporan kredit berdaftar hendaklah mempamerkan perakuan pendaftaran di tempat yang mudah dilihat oleh orang awam di ruang utama premis perniagaan;
- (b)* setiap agensi pelaporan kredit berdaftar hendaklah membangunkan dan menyenggara suatu daftar terperinci mengenai segala aset berkaitan penyimpanan data maklumat kredit, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, senarai konsultan dan prasarana yang digunakan dalam memproses maklumat kredit;
- (c)* setiap agensi pelaporan kredit berdaftar hendaklah membangunkan dan menyenggara portal atau laman web yang mengandungi pautan ke portal Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit;
- (d)* setiap agensi pelaporan kredit berdaftar hendaklah, pada bila-bila masa, membenarkan Pendaftar atau pihak yang diberi kuasa oleh Pendaftar di bawah Akta untuk membuat pemeriksaan pejabat, premis, prasarana dan lain-lain kemudahan yang berada di bawah kawalan agensi pelaporan kredit bagi maksud yang ditetapkan di bawah Bahagian VI Akta;
- (e)* setiap agensi pelaporan kredit berdaftar hendaklah melaksanakan program kesedaran awam tentang industri pelaporan kredit sekurang-kurangnya sekali dalam setahun;
- (f)* setiap agensi pelaporan kredit berdaftar hendaklah memenuhi apa-apa permintaan daripada Pendaftar dalam menjalankan fungsi di bawah mana-mana peruntukan Akta termasuk apa-apa undang-undang subsidiari di bawahnya,

untuk mengemukakan sebarang maklumat, dalam format dan masa yang ditentukan oleh Pendaftar;

- (g) setiap agensi pelaporan kredit berdaftar hendaklah berunding dengan Pendaftar sebelum terlibat dengan mana-mana pihak berkenaan penyimpanan dan pemrosesan aktiviti maklumat kredit;
- (h) setiap agensi pelaporan kredit berdaftar hendaklah mengemukakan senarai perjanjian dengan pihak ketiga berkenaan aktiviti yang berkaitan mengikut format yang dipersetujui oleh Pendaftar;
- (i) setiap agensi pelaporan kredit berdaftar tidak boleh memindahkan, melupuskan atau memajak sebahagian besar daripada perniagaan, aset atau aku janji tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis Pendaftar. Pemindahan, pelupusan atau pemajakan sebahagian besar daripada perniagaan, aset atau aku janji dikira sebagai berlaku apabila—
 - (i) pada masa perkiraan untuk memindah, melupus atau memajak perniagaan, aset dan aku janji itu dirancang, nilai perniagaan, aset dan aku janji itu melebihi sepuluh peratus daripada aset bersih agensi pelaporan kredit, yang ditentukan dengan merujuk kepada akaun teraudit terkini agensi pelaporan kredit tetapi terhad kepada akaun teraudit dua tahun kewangan sebelumnya; atau
 - (ii) dalam beberapa siri perkiraan untuk memindah, melupus atau memajak perniagaan, aset dan aku janji itu dirancang, dalam tempoh lapan belas bulan atau suatu tempoh lain yang boleh ditentukan oleh Pendaftar, nilai agregat perniagaan, aset dan aku janji itu melebihi sepuluh peratus daripada aset bersih agensi pelaporan kredit, yang ditentukan dengan merujuk kepada akaun teraudit terkini agensi pelaporan kredit tetapi terhad kepada akaun teraudit dua tahun kewangan sebelumnya;

- (j) setiap agensi pelaporan kredit berdaftar tidak boleh memulakan proses penstrukturan semula, penyatuan atau penggabungan tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pendaftar; dan
- (k) setiap agensi pelaporan kredit berdaftar hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar jika terdapat apa-apa perubahan ketara dalam pegangan saham agensi pelaporan kredit itu yang tidak melibatkan peralihan kawalan kepada entiti lain.

Dibuat 16 Mei 2014
[KK/PPK(S)10/100-2/2/1; PN(PU2)706/III]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

CREDIT REPORTING AGENCIES ACT 2010

CREDIT REPORTING AGENCIES (REGISTRATION) REGULATIONS 2014

ARRANGEMENT OF REGULATION

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement

PART II

REGISTRATION, RENEWAL, VARIATION, CORRECTION AND REVOCATION OF THE
CERTIFICATE OF REGISTRATION

Chapter 1 – Registration of Credit Reporting Agencies

2. Application for registration
3. Matters to be decided by the Registrar
4. Issuance of certificate of registration

Chapter 2 – Renewal of Certificate of Registration

5. Renewal of certificate of registration
6. Matters to be decided by the Registrar
7. Issuance of the renewed certificate of registration

Chapter 3 - Variation or Cancellation of Conditions or Restrictions

8. Applications to vary or cancel conditions or restrictions

Chapter 4 – Correction of Certificate of Registration

Regulation

9. Correction of certificate of registration

Chapter 5 – Notice to Registrar

10. Notice to Registrar

Chapter 6 - Revocation of Registration

11. Revocation of registration

PART III

POWERS OF THE REGISTRAR

12. Power to vary, add or cancel conditions or restrictions
13. Extension of time

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

CREDIT REPORTING AGENCIES ACT 2010

CREDIT REPORTING AGENCIES (REGISTRATION) REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by paragraph 72(2)(a) of the Credit Reporting Agencies Act 2010 [*Act 710*], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Credit Reporting Agencies (Registration) Regulations 2014**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 15 April 2014.

PART II

REGISTRATION, RENEWAL, VARIATION, CORRECTION AND REVOCATION OF THE
CERTIFICATE OF REGISTRATION

Chapter 1 – Registration of Credit Reporting Agencies

Application for registration

2. (1) An application for registration shall be submitted in two copies together with the relevant documents as specified in the First Schedule.

(2) The applicant shall pay the fee for application for registration as prescribed in the Second Schedule.

(3) The Registrar may dispense with any document specified in item A of the First Schedule except for subitems (a) to (d).

(4) The Registrar shall process the application for registration as soon as practicable upon receiving all the information and relevant documents, including any further information or other documents required by the Registrar.

Matters to be decided by the Registrar

3. (1) The Registrar shall, in relation to an application for registration, decide the following matters:

(a) whether the applicant is eligible to apply to be registered under subsection 13(1) of the Act;

(b) whether the applicant has the capability to comply with the conditions and restrictions to be imposed and fulfill the obligations under the Act;

(c) whether there is a need to impose additional conditions or restrictions to the standard conditions and restrictions provided in the Third Schedule; and

(d) such other matters as the Registrar deems necessary or expedient in the interest of the credit reporting industry.

(2) The Registrar shall serve or cause to be served the decision to register the applicant or refuse the application to the applicant as soon as practicable.

Issuance of certificate of registration

4. (1) A certificate of registration shall be issued to the applicant upon payment of the fee as prescribed in the Second Schedule.

(2) A credit reporting agency to whom a certificate of registration has been issued shall be subject to the standard conditions and restrictions as specified in the Third Schedule and any additional conditions or restrictions imposed.

Chapter 2 – Renewal of Certificate of Registration

Renewal of certificate of registration

5. (1) The applicant shall submit the application for renewal of certificate of registration in two copies together with the relevant documents as specified in the First Schedule, not less than ninety days before the expiry of the validity of the existing certificate of registration.

(2) The applicant shall pay the fee as prescribed in the Second Schedule.

(3) The Registrar may dispense with any document that is specified in item B of the First Schedule as he thinks fit.

(4) The Registrar shall process the application for renewal of certificate of registration as soon as practicable upon receipt of all information and relevant documents, including any further information or other documents required by the Registrar.

Matters to be decided by the Registrar

6. (1) The Registrar shall, in relation to an application for renewal of certificate of registration, decide the following matters:

(a) whether the applicant is still eligible to be registered under the Act;

(b) whether there was any breach of conditions or restrictions imposed upon the issuance of the certificate of registration;

(c) whether there is a need to vary, add or cancel any conditions or restrictions; and

(d) such other matters as the Registrar deems necessary and expedient in the interest of the credit reporting industry.

(2) The Registrar shall serve or cause to be served the decision in relation to the application under subregulation (1) to the applicant as soon as practicable.

(3) If the decision on the application for renewal of the certificate of registration has not been made after the expiration of the validity period of the certificate of registration, the credit reporting agency may continue with the credit reporting business until a decision has been served under subregulation (2).

Issuance of the renewed certificate of registration

7. A renewed certificate of registration shall be issued upon payment of the fee as prescribed in the Second Schedule.

Chapter 3 - Variation or Cancellation of Conditions or Restrictions

Application to vary or cancel conditions or restrictions

8. (1) A chief executive or any director of a credit reporting agency registered under the Act may, when making application for renewal of the certificate of registration, apply to the Registrar to vary or cancel any conditions or restrictions.

(2) The applicant shall pay the fee as prescribed in the Second Schedule.

(3) The Registrar shall process the application under subregulation (1) as soon as practicable upon receiving all the information and relevant documents, including any further information or other documents required by the Registrar.

(4) If any information or document required under subregulation (3) is not provided by the applicant within the time specified in the request or any such extension granted by the Registrar, the application shall be deemed to be withdrawn and shall not be further processed.

(5) An applicant's right to make a fresh application is not affected by any application deemed withdrawn under subregulation (4).

(6) The Registrar shall serve or cause to be served the decision in relation to the application under subregulation (1) to the applicant as soon as practicable.

Chapter 4 – Correction of Certificate of Registration

Correction of certificate of registration

9. (1) The Registrar may, by an application made by the chief executive or any director of a credit reporting agency registered under the Act, at any time after the issuance of the certificate of registration or the renewed certificate of registration, make any correction on the certificate of registration or the renewed certificate of registration.

(2) The Registrar shall notify the correction made to the relevant credit reporting agency as soon as practicable.

(3) An amended certificate of registration shall be issued upon payment of the fee as prescribed in the Second Schedule.

Chapter 5 – Notice to Registrar

Notice to Registrar

10. (1) A credit reporting agency registered under the Act shall give notice to the Registrar, as soon as practicable, of any changes in the credit reporting agency relating to the following matters:

- (a) any reduction of the minimum paid-up capital;
- (b) the acquisition of the credit reporting agency by another party by any means whatsoever;
- (c) any damage or destruction that could not be rectified on the system or facilities for storage and processing data;

- (d)* the bankruptcy of the chief executive or any director of the credit reporting agency;
- (e)* the resignation or change of the chief executive or any director of the credit reporting agency;
- (f)* the winding up of the credit reporting agency; and
- (g)* any other matters which have negative impact on the ability of the credit reporting agency to comply with the conditions or restrictions of the certificate of registration.

(2) Upon receipt of the notice specified in subregulation (1), the Registrar shall consider whether to—

- (a)* vary or cancel any condition or restriction;
- (b)* direct that a new registration be made; or
- (c)* revoke the registration of the credit reporting agency.

(3) The Registrar shall serve or cause to be served his decision to the credit reporting agency as soon as practicable.

(4) If the Registrar decides that variation or cancellation of any condition or restriction ought to be made pursuant to paragraph (2)(a), the Registrar shall state the details of the variation or cancellation of the condition or restriction that will be made, the grounds to do so and the commencement date of such variation or cancellation of the condition or restriction.

(5) If the Registrar decides that a new registration be made pursuant to paragraph (2)(b), the provisions of regulation 2 shall apply with such modifications as the Registrar may deem appropriate.

(6) If the Registrar decides to revoke the registration pursuant to paragraph (2)(c), the provisions of regulation 11 shall apply.

(7) A credit reporting agency that contravenes subsection (1), commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not less than twenty-five thousand ringgit but not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Chapter 6 - Revocation of Registration

Revocation of registration

11. (1) The Registrar shall issue a notice to the credit reporting agency of his intention to revoke the registration of the credit reporting agency and such notice shall state the grounds on which he intends to take such action.

(2) The Registrar shall serve or cause to be served the notice to the registered address of the credit reporting agency as soon as practicable and shall give the credit reporting agency an opportunity to make a written representation within thirty days from the date of service of such notice.

(3) Upon the expiration of the thirty-day period referred to in subregulation (2), and after considering the written representation made by the credit reporting agency, if any, the Registrar shall decide whether to proceed with the revocation of the registration.

(4) If the Registrar decides to revoke the registration, the Registrar shall, as soon as practicable, serve or cause to be served the decision together with his reasons to the registered address of the credit reporting agency and specify the time for the credit reporting agency to comply with the provisions of subsection 19(1) of the Act.

(5) If the Registrar is satisfied that, after considering the written representation submitted by the credit reporting agency, the registration of the credit

reporting agency should not be revoked, the Registrar shall serve or cause to be served the decision to the credit reporting agency.

PART III
POWERS OF THE REGISTRAR

Power to vary, add or cancel condition or restriction

12. (1) The Registrar may vary, add or cancel any condition or restriction.

(2) The Registrar shall serve or cause to be served a notice to a registered credit reporting agency of his intention to vary, add or cancel the condition or restriction.

(3) The Registrar shall not vary, add or cancel the condition or restriction unless an opportunity is given to the credit reporting agency to make a written representation within thirty days after service of the notice in subregulation (2).

(4) Upon the expiration of thirty days referred to in subregulation (3), and after considering the written representation made by the credit reporting agency, if any, the Registrar shall decide whether to vary, add or cancel the condition or restriction.

(5) The Registrar shall serve or cause to be served to the credit reporting agency his decision as soon as practicable.

Extension of time

13. Where a time period is specified under these Regulations or in any request by the Registrar for an action to be taken or a condition to be fulfilled, the relevant credit reporting agency may request for an extension of time in writing and the Registrar may grant such extension of time as he deems fit.

FIRST SCHEDULE
[Subregulations 2(1) and 5(1)]

A. The following documents shall be submitted with the application for registration:

- (a)* a certified copy of the memorandum of association and articles of association or other constituent documents under which the applicant is established;
- (b)* a copy of the certificate of incorporation duly verified by a statutory declaration made by a director of the applicant;
- (c)* a certified copy of the latest audited accounts of the applicant but limited to the audited account of two preceding financial years, if applicable;
- (d)* a certified copy of the latest Form 24, Form 44 and Form 49 of the Companies Act 1965;
- (e)* Form 48A (all directors) of the Companies Act 1965;
- (f)* any document that verifies the minimum paid-up capital of the applicant is one million ringgit;
- (g)* the curriculum vitae of the chief executive and every director of the applicant;
- (h)* a list and descriptions of other credit reporting agencies that are connected in the shareholding structure of the share or interest of the applicant;
- (i)* a sample of a subscriber agreement under paragraph 26(3)(d) of the Act and the notice under subsection 23(1) of the Act;
- (j)* category and description of the current and potential subscribers of the applicant;

- (k) category and description of the parties that have connection with applicant regarding credit reporting activities, the collection and dissemination of credit information, including but not limited to resellers; and
- (l) a Microsoft PowerPoint presentation which contains the following information with copies of relevant supporting documents that have been duly verified:

 - (i) a general introduction of the applicant, including the location, shareholding structure and the relationship or network with any other entity within and outside the country;
 - (ii) a summary or description of the infrastructure for storage and handling of data, including safety protocols and procedures to be adopted;
 - (iii) the scope of the applicant's business operations;
 - (iv) services to be offered to subscribers;
 - (v) proposed performance standards that will be used for credit reporting; and
 - (vi) a summary of the business plan for the next five years.

B. Documents to be submitted with the application for renewal of the certificate of registration:

- (a) the original certificate of registration;
- (b) a certified copy of the latest audited accounts of the applicant but limited to the audited account of two preceding financial years;
- (c) a certified copy of the latest Form 24, Form 44 and Form 49 of the Companies Act 1965;

- (d) Form 48A (all directors) of the Companies Act 1965;
- (e) any document that verifies the minimum requirement of one million ringgit paid-up capital of the applicant;
- (f) a summary of changes, additions or otherwise regarding the facilities, services and location at which the applicant operates, if any;
- (g) a statutory declaration duly verified by the chief executive or one of the directors of the applicant certifying no changes to the post of chief executive and directors of the applicant or a summary of any change of chief executive or directors of the applicant; and
- (h) a statutory declaration duly verified by the chief executive or any director of the applicant certifying no changes in the infrastructure for the storage and handling of data including the security protocols and procedures or a summary of the changes in the infrastructure for the storage and handling of data including the security protocols and procedures.

SECOND SCHEDULE

NO.	MATTER	RATE (RM)
1.	Processing application for registration of a credit reporting agency	1,000.00
2.	Issuance of certificate of registration of a credit reporting agency	1,000.00
3.	Processing application for renewal of certificate of registration of a credit reporting agency	1,000.00
4.	Issuance of renewed certificate of registration of a credit reporting agency	One percent (1%) from yearly sales based on an audited account of the year before with the maximum limit of RM100,000.00 and minimum limit of RM30,000.00
5.	Processing application for variation or cancellation of conditions or restrictions	2,000.00
6.	Issuance of amended certificate of registration	500.00

THIRD SCHEDULE
[Subregulation 4(2)]

Every certificate of registration issued shall be subjected to the following standard conditions and restrictions:

- (a)* each registered credit reporting agency shall display the certificate of registration at a place which is easily visible to the public at the main area of the business premise;
- (b)* each registered credit reporting agency shall develop and maintain a detailed register of all assets related to the credit information data storage, including, but not limited to, a list of consultants and infrastructure used to process credit information;
- (c)* each registered credit reporting agency shall establish and maintain a portal or a website containing a link to the portal of the Registrar Office of Credit Reporting Agencies;
- (d)* each registered credit reporting agency shall, at any time, permit the Registrar or the person authorized by the Registrar under the Act to conduct any inspection of the offices, premises, infrastructures and other facilities under the control of the credit reporting agency for the purposes stipulated under Part VI of the Act;
- (e)* each registered credit reporting agency shall implement public awareness programs about the credit reporting industry at least once in a year;
- (f)* each registered credit reporting agency shall fulfill any request from the Registrar in the exercise of the functions under any provision of the Act including any subsidiary legislation, to submit any information in the format and within the time specified by the Registrar;

- (g) each registered credit reporting agency shall consult the Registrar before being involved with any other party regarding the storage and processing of credit information activities;
- (h) each registered credit reporting agency shall submit the list of agreements with a third party regarding related activities according to the format agreed by the Registrar;
- (i) each registered credit reporting agency shall not transfer, dispose of or lease the bulk of the business, assets or undertaking without the prior written consent of the Registrar. The transfer, disposal or lease of the bulk of the business, assets or undertaking is treated as occurred when—
- (i) at the time the arrangement for the transfer, disposal or lease of the business, assets and undertaking was planned, the value of such business, assets and undertaking exceeds ten per centum of the net asset of the credit reporting agency, determined by reference to the latest audited accounts of the credit reporting agency but limited to the audited account of two preceding financial years; or
- (ii) in a series of arrangements for the transfer, disposal or lease of the business, assets and undertaking was planned, within a period of eighteen months or other period as may be determined by the Registrar, the aggregate value of the business, assets and undertaking exceeds ten per centum of the net asset of the credit reporting agency, determined by reference to the latest audited accounts of the credit reporting agency but limited to the audited account of two preceding financial years;
- (j) each registered credit reporting agency shall not begin the process of restructuring, amalgamation or merger without the prior written consent of the Registrar; and

- (k) each registered credit reporting agency shall notify the Registrar if there is any substantial change in the shareholding of the credit reporting agency which do not involve the transition of control to another entity.

Made 16 May 2014

[KK/PPK(S)10/100-2/2/1; PN(PU2)706/III]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance